
| | |
|-----------|---|
| Title | Ucapan Ketua 1 Asas '50 di majlis perasmian Bengkel Penulisan Remaja 1996 dan pelancaran buku <i>Mimpi panjang seorang penyair</i> |
| Author(s) | Muhammad Ariff bin Ahmad |

Copyright © 1996 Muhammad Ariff bin Ahmad

© Haji Muhammad Ariff Ahmad

UCAPAN KETUA 1 Asas 50

di Majlis Perasmian

Bengkel Penulisan Remaja 1996 dan

Pelancaran buku *Mimpi Panjang Seorang Penyair*

anjuran Angkatan Sasterawan 50 & Majlis Bahasa Melayu Singapura

di Cattleya I, NTUC Pasir Ris Resort

pada Jumaat 29 Mac 1996, jam 20.00

Bismillah ir-Rahman ir-Rahim

Alhamdulillah wa Syukurillah

Wa shalatu wa salamu ala Rasulillah

Wa la haula wa la Quwata illa billah..

Asyhadu an la ilaha illallahu wahdahu la syarikalahu

Wa asyhadu anna Muhammadan abduhu wa Rasuluhu.

Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Setiausaha Politik Kementerian Dalam Negeri, Encik Harun Ghani

Yang Mulia Para Pembimbing Bengkel: Prof Madya Dr Othman Puteh, Prof Madya Dr Abdul Rahman Shaari dan Encik Hizairi Othman

Yang Dermawan Para Sponsor: wakil-wakil National Youth Council, Singapore Press Holdings dan Majlis Ugama Islam Singapura

Yang Berbahagia Para anggota Majlis Bahasa Melayu Singapura

Yang Berbahagia Para anggota Angkatan Sasterawan 50

Yang Beruntung sekalian peserta Bengkel

dan Para tetamu yang saya muliakan

Assalamualaikum wR wB..

Alhamdulillah.. Syukur ke haderat Allah s.w.t., yang dengan limpah kurnianya kita telah dianugerahi sihat afiat dan diberikan kesempatan bertemu di sini pada malam ini, untuk mencatat selembat lagi kisah dalam sejarah kegiatan kesusasteraan berbahasa Melayu di Singapura - di negara kosmopolitan yang mengamalkan hidup berbilang bahasa dan budaya.

Asas 50 yang ditubuhkan para sasterawan muda Angkatan 50-an. Semenjak itu - semenjak 46 tahun dahulu - Asas 50 belum puas-puas lagi bergiat dan berusaha memperkenalkan, memperkembang dan memajukan persuratan berbahasa Melayu di Singapura - sama ada melalui pengaryaan oleh sasterawan anggotanya, mahupun menerusi kegiatan organisasi yang membabitkan pihak-pihak yang cinta dan mahu melihat kesusasteraan Melayu berkembang luas di daerah kita ini.

Asas 50 terus memperkembang kesusasteraan itu, sama ada yang menghusus untuk nikmat masyarakat dalam negeri atau yang meluas bersifat pan-

Malayan [menerusi *KPMM* dan *KPBMM*], yang bersifat nusantara [menerusi *PSN*] mahupun yang bersifat segitiga [menerusi dialog selatan (*SIJORI*)].

Sepanjang hayatnya, Asas 50 telah melalui tiga zaman pemikiran - zaman penjajahan British [1950-1959], zaman berkerajaan sendiri dan bersama Malaysia [1959-1965], dan zaman merdeka [1965-kini]. Dalam zaman bersama Malaysia banyak sasterawan 50-an yang di dalam Asas 50 telah "balik kampung" atau berhijrah ke Kuala Lumpur, untuk membangunkan kesusasteraan Melayu Malaysia dari sana.

Walaupun banyak sasterawan Angkatan 50 berhijrah ke Kuala Lumpur, namun Asas 50 tetap tinggal di Singapura. Penulis-penulis 60 dan 70-an anak Singapura telah mengisi tempat yang dikosongkan para sasterawan itu. Kemudian bertambah pula keanggotaan Asas 50 dengan penulis-penulis 80 dan 90-an hingga sekarang.

Dalam zaman penjajahan hingga ke permulaan berkerajaan sendiri, para sasterawan Angkatan 50-an mengasah kebijaksanaannya melalui dialog dan perbincangan sama sendiri, melalui muzakarah, melalui polemik tertutup dan polemik terbuka, melalui kritikan terbuka. Selain dari mempertahankan kepercayaan, masing-masing mengambil pengajaran dari pertemuan-pertemuan itu.

Dalam dekad 60-an, Asas 50 telah mengadakan beberapa bengkel penulisan cerpen dan puisi. Mula-mula dibuat dengan maksud mempertingkatkan kemampuan anggota-anggota mudanya berkarya. Kemudian, melibatkan mereka yang berminat hendak menjadi sasterawan.

Pertadbiran mutakhir Asas 50 bagi tahun-tahun kegiatan 1994-1996 telah mengadakan hubungan dengan GAPENA di Kuala Lumpur dan dengan PPJ di Johor untuk mengatur kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan tersebut. Selepas melaksanakan "Bicara Jaubari I" dalam bulan April, Asas 50 bersama GAPENA dan PPJ telah mengadakan pertemuan penulis remaja 3 negeri Singapura, Johor dan Riau - di Pulau Penyengat pada 3 dan 4 Jun 1995. Pertemuan itu telah menyarankan supaya *SIJORI* mengatur "kembara budaya" untuk remaja.

Dalam dialog kedua dengan GAPENA, Asas 50 telah bersetuju hendak bersama-sama dalam program kursus penulisan bersiri sehingga ketahap diploma dan ijazah yang akan dianjurkan GAPENA. Sebelum rancangan ini dilaksanakan, memandangkan perlunya kita menambahi jumlah dan menatarkan mutu karya sasterawan kita, maka Bengkel Penulisan Remaja ini kita anjurkan.

Asas 50 berasa beruntung kerana menganjurkan bengkel remaja ini bukan sahaja telah direstui, bahkan Asas 50 telah mendapat kerjasama yang positif dari Majlis Bahasa Melayu Singapura.

Apabila Singapura mulai menggunakan Ejaan Baru (Ejaan MBIM yang digunakan sekarang) pada 1977 maka Kementerian Kebudayaan Singapura telah menubuhkan *Jawatankuasa Ejaan Rumi Melayu* pada 1981 untuk memantau penggunaan ejaan baru bahasa Melayu di sekolah-sekolah dan yang digunakan media massa.

Dalam tahun 1983 fungsi *JKERM* itu diperluas ke bidang bahasa. Selain daripada memantau penggunaan ejaan tetapi jawatankuasa ini ditugaskan membina istilah [khususnya yang berguna di Singapura dan tidak terjaring oleh MBIM. Maka nama *JKERM* diubah menjadi menjadi *Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura*.

JBMS telah menganjurkan bulan bahasa Melayu dwitahunan mulai 1988 hingga 1992. Melaksanakan kempen menggunakan bahasa Melayu yang betul dan yang baku. Pejabat *JBMS* telah dipindahkan dari Kementerian Kebudayaan ke Kementerian Pelajaran kemudian ke Kementerian Penerangan dan Kesenian.

Sebelum Kementerian Pendidikan mengenalkan "sebutan baku" ke sekolah-sekolah pada awal Januari 1993, nama *JBMS* diubah menjadi *Majlis Bahasa Melayu Singapura*. Mulai dari 1993 *MBMS* melibatkan diri dengan kegiatan persuratan dengan memberikan *Anugerah Persuratan* dan *Hadiah Sastera*. Hingga sekarang tiap tahun genap *MBMS* mengadakan kegiatan bahasa dan tiap tahun ganjil ia mengadakan kegiatan sastera.

Dengan kerjasama dan tunjangan teguh *MBMS* ini mudah-mudahan, bengkel permulaan yang kita anjurkan pada malam ini, akan ada kelanjutannya yang kelak membolehkan kita mempunyai para sasterawan berbahasa Melayu yang setaraf dengan sasterawan sejagat. Memasuki zaman global-globalan ini kita perlukan sasterawan yang bertaraf antarbangsa.

Sekarang, kita perlukan sasterawan yang mempunyai gagasan dan wawasan ke empat penjuru Alam. Sasterawan "terjun botol" yang mencuba, tunggu dan tengok, kemudian berhenti - tidak menulis lagi, tidak sesuai dengan zaman internet kini. Maka mudah-mudahan bengkel penulisan remaja ini merupakan pembetonan untuk membina sasterawan ke arah yang saya sebutkan tadi.

Mengakhiri ucapan sebagai Ketua 1 Asas 50, bagi pihak Asas 50 saya ucapkan terimakasih yang tidak terhingga kepada:

